

Sikap penting diri punca kekurangan tempat letak kenderaan di PPR Seri Semarak

Kereta usang undang masalah

Oleh HARIZ KAMARUDIN

KUALA LUMPUR – Kira-kira 7,000 penghuni Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Semarak, Setapak di sini mahu pihak berkuasa bertindak tegas terhadap pemilik kereta usang yang diletakkan di parkir kawasan perumahan itu sehingga menimbulkan masalah kekurangan tempat letak kenderaan.

Dakwa mereka, perkara itu sudah berlarutan sejak 10 tahun lalu ekoran sikap pentingkan diri dalam kalangan pemilik kenderaan berkenaan.

Ketua Blok C PPR Seri Semarak, Jaimie Hassan berkata, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pernah bertindak menunda kenderaan tersebut, namun di-

tuntut semula pemiliknya dan diletakkan kembali di tempat parkir.

Katanya, perkara ini berlaku berpunca daripada sikap pemilik kenderaan sendiri yang membiarkan kereta tersebut tersadai walaupun tidak digunakan.

“DBKL sudah beberapa kali mengambil tindakan sehingga menyebabkan berlaku pertelingkahan dengan pemilik kereta.

“Saya berharap agar pemilik kereta-kereta ini dapat bertolak ansur seperti melupakan kereta mereka kerana tempat parkir yang disediakan harus dikongsi bersama,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* di PPR Semarak di sini semalam.

Sementara itu, Penolong Ketua Blok E PPR Seri Se-



SIKAP pemilik meletakkan kereta usang di kawasan parkir PPR Seri Semarak, Kuala Lumpur mengundang masalah kekurangan tempat letak kenderaan.

marak, Mahadzir Abd. Hamid berkata, keadaan tempat parkir yang terhad dan kepadatan penduduk menyebabkan sering berlaku insiden kenderaan

bergesel ketika keluar dan masuk ke flat tersebut.

“Laluan yang sempit turut menyukarkan lori sampah untuk masuk ke sini,” keluhnya.



JAIMIE